

**TEKS UCAPAN YB TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA
MEWAKILI YB DATUK HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
MENTERI KERJA RAYA MALAYSIA
SEMPENA PERASMIAN SEMINAR KEKOMPETENAN
TENAGA KERJA ELEKTRIK DALAM INDUSTRI PEMBINAAN
DAN ANUGERAH KONTRAKTOR TERBAIK (PERKEM) 2013
PADA 13 FEBRUARI 2014
DI PUSAT KONVESYEN CIDB.**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam
Sejahtera dan Salam 1Malaysia
(SALUTASI)

Bersyukur kehadiran Allah s.w.t. kerana dengan izin dan
limpah kurniaNya, kita semua dapat hadir ke majlis pada hari ini.
Terlebih dahulu saya ingin menyampaikan salam takzim YB
Menteri, beliau memohon maaf kerana tidak dapat bersama-sama
pada hari kerana mempunyai perkara yang perlu diselesaikan di

Sarawak. Beliau mendoakan agar majlis pada hari ini berjalan dengan lancar dan baik.

Hadirin sekalian,

Pertamanya, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Persatuan Pengilang, Pembekal, Kontraktor Industri Elektrikal, Elektronik, Mekanikal dan ICT Melayu dan Bumiputera Malaysia (PERKEM) kerana memberi ruang dan peluang kepada saya untuk bersama-sama dalam Seminar Kekompetenan Tenaga Kerja Elektrik Dalam Industri Pembinaan Dan Anugerah Kontraktor Terbaik (PERKEM) 2013.

Saya dimaklumkan hampir keseluruhan yang berada di sini adalah merupakan jurutera, juruukur bahan, pengurus projek, perancang, juruteknik serta lain-lain pakar teknikal dalam bidang pengkhususan masing-masing. Tidak terkecuali, *stakeholders* dan juga penggiat industri pembinaan yang kepakarannya merupakan aset yang tidak ternilai kepada negara. Percambahan

penggiat-penggiat industri terutamanya dalam bidang Mekanikal, Elektrik dan Elektronik (MEE) dan ICT yang mempunyai kepakaran ini amat penting dalam usaha kita untuk menjadi Negara Maju pada tahun 2020 kelak. Kita sudah menghampiri garis penamat menuju matlamat Negara maju tersebut.

Sukacita saya menyingkap kembali pelaksanaan 'Dasar Ekonomi Baru' (DEB) pada awal tahun 1970'an, yang bermatlamat bagi penstrukturan semula masyarakat Malaysia dengan menetapkan sasaran pencapaian sekurang-kurangnya 30% penyertaan dan penglibatan Bumiputera dalam ekonomi negara. Namun begitu, rekod nisbah dan peratus pencapaian yang disasarkan itu, sehingga kini, hanyalah sekitar 28% sahaja.

Justeru itu, pada 14 September 2013 bertempat di UiTM Shah Alam, Selangor, YAB Perdana Menteri kita telah mengumumkan agenda baru "Memperkasakan Ekonomi Bumiputera" (MEB). Dalam konteks ini, semua Kementerian dan

agensi kerajaan, termasuk GLC's telah diminta untuk merancang serta menyusun semula strategi dan program masing-masing. Langkah transformasi ini amat perlu dilaksanakan secara serius dan segera, khusus bagi memastikan pencapaian sasaran pemerkasaan ekonomi Bumiputera dengan lebih cekap dan berkesan menjelang tahun 2020.

Hasrat murni ini telah di perjelaskan lagi oleh YAB Perdana Menteri juga selaku Menteri Kewangan semasa membentangkan Bajet 2014 yang bertemakan "Memperteguh Ketahanan Ekonomi, Memperkasa Transformasi dan Melaksana Janji". Beliau telah menggariskan lima teras kepada pelaksanaan Bajet 2014 tersebut di mana salah satu daripadanya ialah 'Merancak Aktiviti Ekonomi'.

Hadirin sekalian,

Kerajaan cukup sedar tentang peri pentingnya ekonomi domestik dirangsang dan segala keperluannya ditambah baik

bagi mencapai pertumbuhan ekonomi negara pada kadar 5 hingga 5.5 peratus untuk tahun 2014 ini. Oleh yang demikian, pelbagai inisiatif telah dirancang oleh kerajaan untuk mencapai sasaran tersebut. Umpamanya Kerajaan akan merangka Pelan Induk Sektor Logistik yang akan menyediakan hala tuju pembangunan infrastruktur logistik, rangkaian bekalan serta semakan semula peraturan dan undang-undang. Ini secara tidak langsung memberi manfaat kepada para pengilang dan pembekal yang terdedah kepada aktiviti logistik yang merangkumi penghantaran, infrastruktur, ketepatan masa, kelulusan kastam dan lain– lain yang berkaitan.

Sewajarnya seminar ini memberi peluang kepada kita bagi menilai kembali apakah peranan yang perlu kita mainkan dalam memastikan pembangunan industri ini khususnya dalam melahirkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) tercapai.

Hadirin sekalian,

Kerajaan sentiasa memberi perhatian yang serius melalui jentera penyelarasan dan pelaksanaan bagi memastikan rancangan pembangunannya dapat dilaksanakan dengan cekap. Berdasarkan strategi dan langkah-langkah yang dijalankan, kita berjaya melaksanakan sebahagian besar daripada projek-projek kerajaan mengikut jadual dan ada yang mendahului jadual. Kejayaan pencapaian ini adalah hasil dari perancangan dan pengurusan kewangan yang baik dan peningkatan prestasi kontraktor Bumiputera amnya. Kita tidak seharusnya terlalu berbangga dengan pencapaian tersebut, sebaliknya perlu meningkatkan lagi usaha kita supaya dapat mencapai tahap prestasi yang lebih tinggi. Kerajaan telah membuktikan kesungguhannya untuk mewujudkan usahawan Bumiputera dalam bidang industri pembinaan dan menjadi harapan Kerajaan agar keistimewaan ini akan dipergunakan dengan jujur dan amanah.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Senario ekonomi global yang mencabar masa kini menuntut penggiat-penggiat industri MEE dan ICT untuk memikirkan semula hala tuju syarikat bagi memastikan kelangsungan syarikat terutama di era liberalisasi ini. Keadaan ekonomi yang tidak menentu memerlukan usahawan Melayu dan Bumiputera bekerja dengan lebih gigih untuk memastikan mereka lebih berdaya maju, berdaya saing dan berdaya tahan serta lebih kompetitif.

Iniilah masa yang terbaik untuk semua usahawan Melayu dan Bumiputera bermuhasabah diri, mengenalpasti kelemahan dan kekuatan diri. Justeru itu, kita mesti bersedia untuk melakukan perubahan paradigma dari segi pengurusan ekonomi kontemporari, penggunaan teknologi tinggi, penerokaan pasaran global dan jaringan usahawan Bumiputera dan bukan Bumiputera serta antarabangsa.

Usahawan Bumiputera semua juga perlu akur dan sedar bahawa mereka tidak boleh berterusan bergantung kepada

bantuan Kerajaan. Ini adalah kerana, semakin Malaysia mencapai taraf Negara maju, projek-projek pembangunan fizikal menjadi semakin berkurangan. Ekonomi Malaysia menjadi lebih terbuka kepada permintaan dan kehendak sejagat. Ini bermakna syarikat Bumiputera mesti bersikap global dan ia hendaklah bermula dari sekarang.

Sidang hadirin sekalian,

Kementerian Kerja Raya memainkan peranan yang penting di dalam aspek pembangunan infrastruktur negara supaya ia berada di landasan yang selari dengan keperluan dan kehendak rakyat. Industri ini mampu memberikan sumbangan signifikan dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Secara amnya, kementerian sentiasa berusaha untuk memastikan industri ini kondusif bagi semua pihak. Segala permasalahan dapat dicapai melalui meja rundingan dan forum yang sesuai. Kerajaan yakin dan percaya, melalui penglibatan menyeluruh semua pihak dan

persefahaman yang wujud, tidak mustahil industri pembinaan negara akan berkembang dengan lebih pesat.

Adalah diharapkan seminar ini akan menjadi wadah perkongsian yang kondusif di antara para penggiat industri untuk membincangkan secara terbuka isu-isu penting yang dihadapi oleh usahawan Melayu dan Bumiputra terutama dalam bidang MEE & ICT. Kita tidak boleh terus menjadi terlalu retorik jika benar-benar ingin melihat ahli-ahli perniagaan kita terus berjaya tanpa menghadapi sebarang masalah dan ketegangan. Oleh itu, revolusi minda dalam kalangan usahawan Melayu dan Bumiputera perlu ada dalam semua peringkat supaya kita dapat melonjak ke tahap yang lebih tinggi.

Kerajaan juga sedar tentang realiti semasa berkaitan NGO Melayu dan Bumiputera yang terlibat dalam aktiviti pembinaan yang mempunyai prinsip serta pegangan tersendiri untuk memperjuangkan kepentingan masing-masing. Apa yang penting ialah kita perlu mencari titik persamaan di dalam perjuangan demi

kebaikan bersama. Justeru, Kerajaan amat menyambut baik sebarang kesepakatan di kalangan NGO-NGO yang terlibat dengan industri pembinaan ini dalam menangani isu-isu semasa yang dihadapi dan langkah mengatasinya perlulah dikemukakan kepada Kerajaan untuk diperhalusi.

Hadirin dan hadirat yang dirahmati sekalian,

Kita sangat berbangga dengan kejayaan kontraktor tempatan yang telah berjaya menembusi pasaran kerja pembinaan di peringkat antarabangsa. Ini membuktikan kontraktor tempatan adalah berkemahiran dan kompeten untuk bersaing di peringkat global. Walau bagaimanapun, adalah wajar bagi setiap kontraktor yang ingin membida projek luar negara melaksanakan kajian terperinci, analitikal mengenai sosio budaya serta menyediakan pelan tindakan pengurusan risiko dan krisis. Ini bagi memastikan syarikat tidak terperangkap dengan peraturan dan undang – undang tempatan yang boleh merugikan syarikat terbabit.

Sehingga kini, tanggungjawab latihan kemahiran banyak dipikul oleh kerajaan. Sebagai contoh, Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) di bawah Kementerian Kerja Raya giat melaksanakan pembangunan latihan termasuk berkaitan teknikal terutamanya bidang elektrik bagi membolehkan para kontraktor Bumiputera mendapat kelayakan pendaftaran pengkhususan bidang daripada Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB). Oleh yang demikian, saya ingin menyeru agar semua pihak turut memainkan peranan di dalam bidang pendidikan dan latihan ini. Ini amat penting kerana skema latihan vokasional negara masih terlalu berorientasikan institusi dan menggunakan kebanyakan masa di institut latihan kemahiran. Ini perlu diubah kepada struktur latihan kemahiran yang lebih berorientasikan industri. Struktur baru ini lebih berasaskan konsep perantisan ataupun "*apprenticeship*" seperti yang diamalkan di negara-negara maju. Namun, struktur latihan kemahiran baru ini akan melibatkan perbelanjaan yang amat tinggi dan memerlukan peranan dan

bantuan daripada sektor swasta dan pihak berkenaan yang lebih besar.

Saya mengucapkan tahniah kepada semua badan-badan yang berkaitan seperti PERKEM yang telah menjalankan tugas-tugas mereka dengan baik dan sempurna. Oleh itu, tanpa membuang masa lagi , dengan nama Allah yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang, saya dengan lafaz **'Bismillahirrahmanirrahim'** dengan sukacitanya merasmikan Seminar Kekompetenan Tenaga Kerja Elektrik Dalam Industri Pembinaan Dan Anugerah Kontraktor Terbaik (PERKEM) 2013 pada kali ini.

Sekian, Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.